

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU PEMBANGUNAN DI HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penjelasan Kerajaan Negeri mengenai isu hutan simpan di Kuala Langat Utara bagi tujuan pembangunan?

- b) Apakah jenis pembangunan yang akan dijalankan di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) HSK Kuala Langat Utara telah diwartakan pada 13 Mei 1927 dengan keluasan asal berjumlah $\pm 7,246.96$ ha. Kini keluasan HSK Kuala Langat Utara adalah berjumlah ± 957.63 ha dan dikelilingi oleh pelbagai pembangunan guna tanah seperti perumahan Saujana Putra, Lebuhraya ELITE, perkampungan-perkampungan orang asli, aktiviti pertanian sawit, Ladang Boh Bukit Cheeding dan pembangunan bercampur Gamuda Cove.

Selain itu, beberapa kali insiden kebakaran telah berlaku di HSK Kuala Langat Utara ini yang memusnahkan sebahagian kawasan HSK sehingga mengalami kemerosotan kualiti hutan (degradasi). Berdasarkan rekod, dari tahun 2012 hingga 2017 seluas 359.60 ha @ 888.21 ekar kawasan hutan ini telah terbakar. Ini menjadikan sebanyak 30-40% daripada keseluruhan kawasan HSK Kuala Langat Utara telah mengalami kemerosotan akibat kebakaran hutan. Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan Bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017-2021, jumlah peratusan kawasan ini telah dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi (Zon Merah) di dalam Peta Zon Risiko Kebakaran.

Justeru itu, tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi isu kebakaran hutan ini akan melibatkan sejumlah peruntukan yang besar. Dianggarkan sejumlah RM 1 juta diperlukan dalam pelaksanaan program pencegahan dan operasi pemadaman kebakaran hutan dalam satu masa. Kos ini meliputi projek pembinaan telaga tiub, pembinaan *fire break*, pengaktifan telaga tiub, sewaan jentera semasa kebakaran, penggunaan pesawat *bombardier* dan lain-lain keperluan logistik. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi ini,

Kerajaan Negeri perlu meneliti sebaiknya keperluan pengekalan HSK ini serta pulangan ekonomi melalui kaedah seperti Kajian *Cost Benefit Analysis* (CBA).

Tidak dinafikan bahawa pelbagai aktiviti pembangunan guna tanah yang pesat di sekeliling hutan ini menjadi antara faktor ancaman ke atas pengekalan hutan ini. Di samping itu, sebahagian kawasan HSK Kuala Langat Utara ini juga bakal dibangunkan untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan seluas ±9.6ha @ ±3.2 km. Projek ini adalah merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan mempunyai kepentingan yang tinggi untuk manfaat awam.

Merujuk kepada Seksyen 11 (b), Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dalam HSK jika berpuas hati ianya diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-30/2019 bertarikh 16 Oktober 2019, seluas ±931.17ha @ ±2,300 ekar kawasan HSK Kuala Langat Utara ini telah diluluskan untuk pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Walaubagaimanapun, sebelum proses pemberimilikan tanah ini diteruskan, syarat-syarat penyahwartaan HSK telah dikenakan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon. Antara syarat-syarat yang telah dikenakan adalah melaksanakan Kaedah Penyiasatan Awam, penggantian kawasan HSK yang setara dan/atau lebih luas saiznya, proses pengeluaran dan penggantian HSK yang berlaku secara serentak, pengenaan bayaran pampasan gantirugi ke atas kehilangan manfaat hutan dan lain-lain syarat berkaitan.

Sebagai makluman tambahan, beberapa cadangan kawasan ganti telah dikenalpasti dan akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Kawasan ganti ini dipilih berdasarkan kepada keadaan jenis hutan, keperluan perlindungan biodiversiti yang lebih tinggi dan aspek-aspek pengekalan hutan yang berkaitan. Daripada 12 buah kawasan yang dicadangkan, sebanyak 3 kawasan telah dipilih berdasarkan justifikasi yang bersesuaian. Kawasan tersebut adalah seperti Lot PT 4182, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam seluas ±308.62 ha @ ±762.29 ekar (merupakan Hutan Paya Gambut), Tanah Kerajaan Mukim Sungai Panjang 2, Daerah Sabak Bernam seluas ±606.88 ha @ ±1499.00 ekar (merupakan Hutan Paya Gambut) dan Tanah Kerajaan di Ampang Pechah, Mukim Buloh Telor, Daerah Hulu Selangor seluas ±190.28 ha @ ±470.00 ekar (merupakan antara kawasan koridor ekologi *Central Forest Spine* negeri Selangor). Ini menjadikan keseluruhan kawasan yang akan diganti bagi

penyahwartaan HSK Kuala Langat Utara seluas ±931.17 ha @ ±2,300 ekar adalah seluas ±1,105.78 ha @ ±2,731.29 ekar.

Berdasarkan kepada analisa bantahan melalui Sesi Penyiasatan Awam pula, beberapa justifikasi boleh diperolehi untuk menjadikan asas pertimbangan atau alasan dan seterusnya mengesyorkan opsyen-opsyen yang wajar kepada MMKN sama ada penyahwartaan HSK boleh diteruskan atau sebaliknya.

- b) Berdasarkan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 hutan simpan ini adalah terletak dalam BPK 1.6: Bukit Cheeding dimana hutan simpan ini dizonkan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Aktiviti yang dibenarkan adalah :
- i. Mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan dan Garis Panduan KSAS (Bab 6)
 - ii. Hanya aktiviti penyelidikan dan rekreasi pasif (eko pelancongan) dibenarkan tanpa melibatkan pembangunan fizikal.
 - iii. Semua pembangunan di sekitar perlu menyediakan zon penampungan 100 meter.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan kali ke 30/2019 yang diadakan pada 16 Oktober 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 31/2019 bertarikh 23 Oktober 2019. Hutan simpan ini telah diberimilik kepada syarikat Titian Jutaria Sdn. Bhd. (Plot A- 1,400 ekar) dan MBI (Plot B- 900 ekar) untuk pembangunan bercampur.

Merujuk kepada Notis Penyiasatan Awam Di Bawah Seksyen 11 Akta Perhutanan Negara Enakmen (Pemakaian 1985) untuk cadangan pengeluaran tanah dari kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara juga adalah untuk tujuan pembangunan bercampur.

Sehingga kini, pihak MPKL tiada menerima sebarang permohonan bagi cadangan pembangunan atau pengubahan zoning diatas tapak hutan Simpan Kuala Langat Utara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENJANAAN TENAGA SOLAR DI BANGUNAN KERAJAAN

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan peningkatan pemasangan tenaga solar di bangunan milik Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Dari segi kapasiti, apakah kumulatif pemasangan ini dari segi MW?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 1/ 2020 yang diadakan pada 8 Januari 2020 telah menimbang dan meluluskan maklum balas berhubung Cadangan Pemasangan Panel Solar Di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor Di Bawah Skim *Solar Energy Purchase* (SEP) iaitu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) dan Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dengan tempoh kontrak selama 15 tahun.

Sehubungan itu, buat masa ini Kerajaan Negeri sedang dalam proses memuktamadkan perjanjian *tripartite* di antara bersama Tenaga Nasional Berhad, GSparx Sdn. Bhd dan Kerajaan Negeri Selangor di mana perjanjian tersebut hendaklan dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak.

- b) Jumlah kumulatif pemasangan solar panel di bangunan kerajaan dari segi MW adalah sebanyak 2.590MW. Butiran terperinci adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

BIL.	BANGUNAN	KAPASITI (MW)
1.	BANGUNAN SUK SELANGOR	0.9035
2.	PDT PETALING	0.2305
3.	PDT GOMBAK	0.1448
4.	PDT KLANG	0.3325
5.	PDT HULU LANGAT	0.2326
6.	PDT SEPANG	0.1768
7.	PDT KUALA LANGAT	0.2565
8.	PDT KUALA SELANGOR	0.1006
9.	PDT HULU SELANGOR	0.0398

10.	PDT SABAK BERNAM	0.173
JUMLAH		2.590

Jadual 1

Sumber: Tenaga Nasional Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tarif asal yang ditawarkan oleh TNB sewaktu pembentangan MTES bagi tempoh kontrak selama 25 tahun adalah seperti berikut:

Bangunan	Tarif Semasa	<i>Effective Tariff (current tariff + ICPT surcharge + KWTBB)</i>	Tawaran Tarif oleh TNB
Bangunan SSAAS (Tarif C1)	RM0.365	RM0.396	RM0.340
Pejabat Daerah dan Tanah (Tarif B)	RM0.509	RM0.543	RM0.430

Pihak UPEN telah mengadakan perbincangan lanjut berkaitan kadar tarif dan tempoh kontak bersama pihak TNB, Pejabat Daerah dan Tanah serta Unit Pengurusan Bangunan, SUK. Tempoh kontrak dan kadar tarif yang baru seperti berikut:

Lokasi	Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor			Pejabat Daerah dan Tanah Selangor		
	Anggaran Kapasiti Pemasangan	903.5 kWp			1,687 kWp	
Tempoh (tahun)	25	20	15	25	20	15
Tawaran Tarif	RM0.33	RM0.36	RM0.39	RM0.40	RM0.44	RM0.48

Jumlah penjimatan adalah seperti berikut:

Bil.	Tempoh Kontrak	Jumlah Penjimatan
1.	15 tahun	RM28,164,456.00
2.	20 tahun	RM24,882,712.00
3.	25 tahun	RM23,024,851.00

Penjimatan lebih tinggi bagi tempoh kontrak yang lebih pendek kerana selepas tamat tempoh kontrak, Kerajaan Negeri tidak lagi perlu membayar tarif solar. Namun, Kerajaan Negeri perlu membayar kos senggaraan dan kos operasi.

Tempoh		25 tahun	20 tahun	15 tahun
BANGUNAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR				
1.	Tarif solar (<i>fixed</i>)	RM0.33/kwh	RM0.36/kwh	RM0.39/kwh
2.	Kos operasi & senggaraan selepas tempoh kontrak	RM0	RM476,495 (tahun 21-25)	RM887,525 (tahun 16-25)
3.	Anggaran penjimatan untuk 25 tahun	RM5,763,478	RM6,332,035	RM7,327,338
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SELANGOR				
1.	Tarif solar (<i>fixed</i>)	RM0.40/kwh	RM0.44/kwh	RM0.48/kwh
2.	Kos operasi & senggaraan selepas tempoh kontrak	RM0	RM889,705 (tahun 21-25)	RM1,657,172 (tahun 16-25)
3.	Anggaran penjimatan untuk 25 tahun	RM17,261,373	RM18,550,677	RM20,873,118
JUMLAH PENJIMATAN		RM23,024,851	RM24,882,712	RM28,164,456

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PERUNTUKAN BAGI MEMBAIKPULIH JETI

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jeti nelayan yang berlesen dan tidak berlesen diseluruh negeri Selangor? Mohon nyatakan.
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi memutihkan jet-jeti nelayan yang tidak berlesen?
- c) Apakah usaha proaktif Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap jeti nelayan dalam keadaan selamat?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 7/2020 yang bersidang pada 19 Februari 2020 telah meluluskan Caj Kebenaran Bertulis Pembinaan jeti Pendaratan Ikan. Selaras dengan keputusan MMKN ini, LUAS dalam tindakan untuk mengeluarkan lesen atau kebenaran bertulis selaras dengan Seksyen 43, Enakmen LUAS ke atas jeti nelayan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri sama ada melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau melalui pihak Pejabat Tanah Galian Selangor.

Kebenaran bertulis akan dikeluarkan bagi 86 buah jeti di Bagan Sekinchan yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 19/2017 bertarikh 14 Jun 2017 dan 108 buah jeti di Bagan Sungai Besar yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah melalui MMKN Bil 23/2019 bertarikh 14 Ogos 2019.

- b) Melalui MMKN Bil 7/2020 bertarikh 19 Februari 2020, Kerajaan Negeri bersetuju agar Y.B. ADUN kawasan untuk membantu menyalurkan peruntukan atau sumbangan kewangan kepada pemilik jeti yang memerlukan bantuan kewangan pada peringkat awal pelaksanaan.

- c) MMKN Bil 21/2015 bertarikh 1 Julai 2015 memutuskan agar LUAS menimbangkan cadangan pemertaan jeti-jeti tanpa lesen yang didapati strukturnya kukuh dan boleh digunakan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pengurusan Jeti. Selaras dengan itu, banciaan yang dijalankan oleh agensi hanya mengambilkira jeti yang selamat untuk digunakan.

Sekiranya ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri, peruntukan tersebut akan diberikan kepada jeti-jeti yang telah melalui proses pemutihan. Pemutihan jeti yang dijalankan ini juga memberi peluang kepada jeti-jeti sedia ada yang telah dilesen untuk dibaikpulih menggunakan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tarikh pendaftaran Skim Air Darul Ehsan telah ditutup pada 31 Disember 2019. Bilakah Kerajaan Negeri akan mengumumkan tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan?

JAWAPAN:

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohonan yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGHAPUSAN DENGGI

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kes denggi sejak tahun 2013?
- b) Apakah tindakan dan perancangan baru Kerajaan Negeri untuk pencegahan denggi?
- c) Apakah sebab rekod jangkitan denggi di Selangor masih tinggi?

JAWAPAN:

- a) Bilangan kes denggi Selangor sejak 2013

Tahun	Bil Kes Denggi
2013	23,853
2014	54,291
2015	63,199
2016	51,653
2017	45,290
2018	45,355
2019	72,543
2020(ME 10)	17,749

- b) Tindakan dan perancangan baru untuk pencegahan denggi:
- i) Aktiviti pencegahan denggi melibatkan premis kerajaan dan kuarters kerajaan di negeri Selangor melalui Program Selangor Bebas Aedes Tempat Kerja dan Kuarters Kerajaan. Bermula April 2019 dan sedang dilaksana di semua daerah. Diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor dan dibantu secara teknikal oleh Unit Vektor JKN Selangor. Masih berada di fasa awal program.
 - ii) Pengukuhan semula program pencegahan denggi di sekolah melalui Program Bebas Denggi Sekolah dan pemantauan pelaksanaan oleh pihak PKD/ JKNS secara bulanan.
 - iii) Melaksana Fasa Operasi Wolbachia di daerah Petaling pada tahun 2019 melibatkan pelepasan telur nyamuk ber-Wolbachia di 8 lokaliti bermasalah utama denggi dan tambahan 4 lokaliti baru pada tahun 2020. Masih diperingkat awal pelaksanaan dan diselia pantau sepenuhnya oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - iv) Pelaksanaan *Outdoor Residual Spray* (semburan racun serangga di dinding premis) bagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di bangunan berstrata yang bersesuaian oleh pihak PKD. Diperluaskan di peringkat premis agensi yang berminat contohnya TUDM dan Appartment Kenanga di Hulu Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENYAHWARTAAN HUTAN SIMPAN DI NEGERI SELANGOR

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tindakan penyahwartaan hutan simpan di Negeri Selangor sejak Mei 2018.
- b) Adakah kajian impak alam sekitar ("Environmental Impact Assessment") telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor ataupun badan swasta yang lain?

JAWAPAN:

- a) Sejak Mei 2018, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengambil tindakan penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal seperti berikut:-
 - i) Menyahwarta sebahagian HSK Rantau Panjang, Mukim Rawang seluas ± 1.55 ha @ ± 3.82 ekar bagi tujuan Loji Air Rantau Panjang;
 - ii) Dalam tindakan nyahwarta sebahagian HSK Bukit Lagong (Kompartmen 19), Mukim Rawang seluas ± 28.3 ha @ ± 70 ekar bagi tujuan pembangunan oleh PKNS dan Spanland Sdn. Bhd.;
 - iii) Dalam tindakan nyahwarta HSK Kuala Sepang, Mukim Sepang seluas ± 1.37 ha @ ± 3.39 ekar bagi tujuan Projek Membina Jalan dari Jambatan Sungai Sepang untuk menghubungkan Kampung India, Bukit Pelandok, Port Dickson dengan Bandar Sungai Pelek, Sepang, Selangor; dan
 - iv) Dalam tindakan nyahwarta HSK Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas seluas ± 931.17 ha @ $\pm 2,300$ ekar bagi tujuan pembangunan bercampur oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Titian Jutaria Sd. Bhd.

- b) Merujuk kepada Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Alam Sekeliling) 2015, penyediaan Laporan Kajian Alam Sekitar (EIA) perlu disediakan oleh pihak pemaju setelah kelulusan projek diperolehi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENCEMARAN PARIT DAN LONGKANG

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Agensi-agensi manakah yang bertanggungjawab ke atas penyelesaian dan penyelenggaraan masalah pencemaran parit-parit dan longkang di kawasan kampung?

JAWAPAN:

- a) Penyelenggaraan parit dan longkang di kawasan kampung dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) melalui kerja-kerja di bawah Pembangunan Luar Bandar. Selain itu, Melalui cabutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 7/2006 yang bersidang pada 5.04.2006, penyelarasan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, parit dan longkang dilaksanakan oleh JKR dan PBT, sementara JPS akan membuat penyelenggaraan sampah di sungai. Manakala, sampah yang terperangkap di "Monsoon Drain" akan diselenggara oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : APLIKASI SMART SELANGOR PARKING

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Aplikasi Smart Selangor Parking membawa kesenangan kepada rakyat Selangor semasa ingin membayar fi parkir di seluruh negeri. Adakah kerajaan akan bekerjasama dengan E-Wallet lain seperti Touch n Go demi memperbanyakkan kegunaannya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR DI TAMAN MELAWATI ZON C, E, G

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca kerapnya berlaku paip pecah di zon-zon tersebut dan apakah langkah-langkah segera yang akan dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah yang selama ini membebankan penduduk?

JAWAPAN:

- a) Punca utama berlakunya kejadian paip pecah di kawasan Taman Melawati adalah kerana jajaran paip sediaada dari jenis *asbestos cement* (AC) yang telah berusia. Bagi mengatasi isu paip pecah di kawasan ini, pihak kami telah mengambil tindakan berikut:
1. Membuat pembentukan District Metering Zone (DMZ) bertujuan untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah. Taman Melawati Zon C, E dan G adalah di bawah kawalan dua (2) DMZ berikut:
 - i. GB.030 Kg Klang Gate
 - ii. GB.123 Taman Melawati
 2. Untuk kejadian paip pecah yang masih berlaku walaupun dengan kawalan tekanan (kawasan di dalam DMZ), jajaran paip terlibat dikenalpasti dan disenaraikan di dalam senarai keutamaan penggantian paip di bawah program penggantian paip. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program penggantian paip bergantung kepada belanjawan yang diluluskan.
 3. Sekiranya paip pecah berlaku di luar kawasan DMZ, kajian dan perancangan akan dibuat bagi membentuk Pressure Management Zone (PMZ). Tujuan pembentukan PMZ adalah sama seperti DMZ, tetapi pada skala yang lebih kecil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK RUMAH SELANGORKU

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri melalui PKNS ada bercadang untuk membina rumah teres setingkat dengan kos harga bawah rm 150,000.00 di DUN Batang Kali?

- b) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini pihak PKNS melalui Syarikat Bersekutu, Ligamas Sdn Bhd tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membina rumah teres setingkat dengan harga bawah RM150,000.00 di Bandar Utama Batang Kali Hulu Selangor bagi perancangan pembangunan yang sedia ada.

Di samping itu juga, pihak Ligamas Sdn Bhd telah pun membina, menyiapkan serta menyerahkan sebanyak 3321 unit rumah kos rendah di Bandar Utama Batang Kali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : TANAH LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (TOL)

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah TOL dari 2017 hingga 2019 mengikut daerah?
- b) Nyatakan jumlah keluasan tanah TOL yang ditarik semula oleh Kerajaan Negeri pada 2018?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keluasan tanah TOL dari tahun 2017 hingga 2019 adalah seluas **10,510,513.36 meter persegi (2,597.20 ekar)** dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti jadual berikut :-

Bil.	Daerah	Keluasan (Meter Persegi)		
		2017	2018	2019
1.	KLANG	188,988.24	40,530	424,631.05
2.	KUALA LANGAT	205,624.63	85,937	236,869.96
3.	KUALA SELANGAOR	38,643	30,585.874	11,467.351
4.	SABAK BERNAM	235,862.982	991,107.8	452,551
5.	HULU LANGAT	66,206.82	51,156.98	5,415
6.	HULU SELANGOR	80,964.99	9,331.94	28,327.99
7.	PETALING	62,015.61	4,879,803.058	211,341.415
8.	GOMBAK	100,828.77	6,474.08	13,276.77
9.	SEPANG	8,127.09	525,329.29	1,519,115.5
Jumlah		987,262.00 (243.96 ekar)	6,620,255.32 (1,635.90 ekar)	2,902,996.04 (717.35 ekar)

- b) Tiada tanah TOL yang ditarik semula oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : BANTUAN KHAS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keberkesanan dari pemberian berdasarkan penilaian prestasi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mula melaksanakan pembayaran bantuan Khas Kewangan berdasarkan prestasi pada tahun 2019. Keberkesanan pemberian Bantuan Khas berdasarkan prestasi ini dapat dilihat dari beberapa sudut iaitu :

- i) Penjimat Perbelanjaan;
- ii) Pengukuran Prestasi Jabatan; dan
- iii) Integriti

Penjimat Perbelanjaan

Penjimat perbelanjaan Kerajaan Negeri dapat dibuat dengan memandangkan ia diberi berdasarkan prestasi sesuatu jabatan dan individu. Sebagai hasilnya, pada tahun 2019, penjimat sebanyak RM984,200.10 dapat dilaksanakan berbanding dengan pemberian bantuan kewangan pada tahun 2018.

Pengukuran Prestasi Jabatan

Kunci utama kepada pemberian Bantuan Khas Kewangan ini adalah berdasarkan kepada prestasi jabatan. Oleh itu, secara tidak langsung prestasi sesebuah jabatan dapat dinilai melalui kaedah pemberian bantuan khas kewangan berdasarkan prestasi. Berbeza dengan sebelum ini, tiada pengukuran nilai yang dibuat secara langsung terhadap prestasi sesebuah jabatan.

Integriti

Kriteria yang telah ditetapkan dalam borang penilaian bantuan khas kewangan adalah kriteria yang merangkumi integrity seseorang penjawat awam yang tidak terdapat dalam Borang Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). Oleh itu, secara tidak langsung ia dapat menilai tahap integrity seseorang penjawat awam diluar skop penilaian yang bersifat awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : KENDERAAN TERBENGGALAI

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha kerajaan dalam menangani masalah kenderaan terbengkalai yang semakin membimbangkan walaupun pelbagai usaha digiatkan ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : GUNUNG NUANG

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bagi pelancongan di kawasan gunung Nuang?
- b) Apakah sudah kerajaan sudah membukanya secara rasmi kepada pengunjung?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN PARIT DAN LONGKANG

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah sempadan kelabu (grey area) antara agensi-agensi dalam urusan selenggaraan parit, longkang dan jalanraya?
- b) Apakah agensi berkenaan akan membuat pelabelan ke atas parit longkang masing-masing?
- c) Apakah keputusan MTES No.Ruj:(29)dImMMK.SEL.(R)31001/5/50.Jld.37 bertarikh 20 April 2006 masih digunapakai?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dalam proses pengemaskinian inventori parit, longkang dan jalan di bawah agensi / jabatan yang terlibat. Penyelarasan akan dibuat bersama dengan Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan dipantau oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani.
- b) Pelabelan parit dan longkang akan dilaksanakan secara berperingkat dan bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh jabatan.
- c) Semakan mendapati tiada keputusan-keputusan lain di peringkat Kerajaan Negeri yang membatalkan keputusan MTES tahun 2006 berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENUNGGANG MOTOSIKAL E HALING

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menerima peningkatan penunggang motosikal E haling yang dijangka meningkat dengan pengenalan syarikat Gojek?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Persekutuan masih dalam pelaksanaan projek perintis atau *Proof Of Concept* (POC) bagi perkhidmatan *bike-hailing* dan belum memuktamadkan sebarang keputusan. Projek perintis tersebut dijalankan sebagai syarat yang ditetapkan Kementerian Pengangkutan bagi tujuan untuk mengawal selia perkhidmatan tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa perkara ini perlu dibuat penelitian terlebih dahulu kerana ianya melibatkan pelbagai aspek sama ada dari segi perundangan, keselamatan, peraturan jalan raya dan penguatkuasaan serta sensitiviti dari sudut Perundangan Syariah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : AGIHAN PROJEK MARRIS UNTUK KONTRAKTOR G1 DI DALAM DUN.

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan kontraktor kecil GI khasnya bumiputera mendapat agihan projek yang seimbang di dalam DUN dia menetap?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, pemberian dan lantikan kontraktor bagi kerja-kerja di bawah peruntukkan marris adalah berdasarkan kepada pelawaan secara sebutharga/tender terbuka yakni melalui proses iklan di laman web Majlis Perbandaran Klang yang diselia oleh Bahagian Ukur Bahan, yang turut menyemak dokumentasi kontraktor yang menghantar sebutharga masing-masing, manakala keputusan dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga/Tender yang diwakili oleh bahagian penilaian harga dan teknikal bagi memastikan setiap kontraktor mendapat peluang yang adil dan melalui proses pemilihan yang sama/saksama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SUKAN BAGI TAHUN 2020

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa peruntukkan pembangunan sukan dan persediaan SUKMA lebih kecil sedangkan melibatkan lebih dari 30 sukan?

- b) Adakah peruntukkan pembangunan sukan ini memadai untuk persiapan menghadapi sukan Malaysia dan menyasarkan kejuaraan sedangkan kebanyakan Negeri pesaing memperuntukkan lebih 10 juta untuk persiapan mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa komited dengan pembangunan sukan di Selangor. Pihak Majlis telah menyenaraikan semua keperluan pasukan secara berterusan seperti berikut :

Keperluan SUKMA (pengurusan kontinjen)

- Penginapan
- Peralatan
- Kejohanan
- Pakaian
- Sewaan venue latihan
- Jurulatih
- Elaun latihan

Pembangunan atlet pelapis dan akar umbi

- Bayaran jurulatih
- Peralatan
- Kejohanan
- Penganjuran SUKSES
- Penganjuran karnival pusat latihan Majlis Sukan Daerah
- Bantuan sekolah sukan negeri dan negara, MSS Selangor

Sistem Sokongan Sains Sukan

- Peralatan kecederaan
- Makanan tambahan
- Kepakaran untuk Analisa prestasi
- Kem pasukan
- Motivasi pasukan / atlet

- b) Kerajaan Negeri melalui MSNS telah menerima peruntukan bagi pembangunan sukan, sebanyak RM7 Juta bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar yang diperlukan adalah sebanyak RM16 Juta meliputi keseluruhan pembangunan sukan di Negeri Selangor khususnya dalam pembangunan atlet. Pihak MSNS juga telah membuat perbandingan pada tahun 2020 ini di antara negeri-negeri pesaing seperti jadual berikut :

Bil	Negeri	Peruntukan 2020
1.	Wilayah Persekutuan	14 Juta
2.	Terengganu	15 Juta tahunan, 20 Juta tabung
3.	Johor	10 Juta, tambahan 5 juta
4.	Sarawak	15 Juta
5.	Sabah	14 Juta

Negeri-negeri pesaing utama seperti Terengganu, Wilayah dan Sarawak masing-masing mencatat peruntukan melebihi 10 Juta manakala negeri tuan rumah SUKMA 2020, Johor mendapat tambahan sebanyak RM5 Juta.

Sasaran untuk menjadi juara keseluruhan, perlu seiring dengan status negeri maju dan juga sebagai negeri peneraju sukan di Malaysia kerana ianya perlu diseimbangkan agar tidak ketinggalan terutamanya dari aspek teknologi dan *research & development (R&D)*.

Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7 Juta yang diberikan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor adalah menjadi satu cabaran kepada negeri untuk muncul juara. Walau bagaimanapun, pihak Majlis berharap peruntukan ini dapat dipertingkatkan dalam RMK-12 agar ianya sejajar dengan perancangan untuk menjadikan Negeri Selangor bukan sahaja maju dalam bidang sukan malah dapat menjadikan sukan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan atau "*Sports Tourism*" yang terbesar di Malaysia sekaligus menjana ekonomi negeri dalam industri sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERTANIAN

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci, inisiatif kerajaan negeri dalam usaha menggalakkan peningkatan hasil pertanian pekebun kecil ?
- b) Nyatakan kawasan pertanian yang berpotensi untuk di usahakan dalam kawasan DUN Semenyih?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENJAJA TANPA LESEN

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kerajaan telah berjaya menangani masalah tersebut dalam tempoh 5 tahun yang lalu (2015-2019) ?
- b) Berapakah jumlah dan lokasi PTL di N39 Kota Damansara (MBPJ-Zon 3,4 , MBSA-Zon 17,18,24)

JAWAPAN:

- a) Dalam menangani permasalahan penjaja tanpa lesen, PBT telah mengenal pasti beberapa lokasi yang bersesuaian untuk menempatkan penjaja-penjaja tersebut secara sementara. Bagi penjaja tanpa lesen yang ingkar, PBT akan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti kompaun, notis atau sitaan ke atas mereka.
- b) Jumlah dan lokasi Penjaja Tanpa Lesen (PTL) di N39 Kota Damansara (MBPJ-Zon 3,4 , MBSA-Zon 17,18,24) adalah seperti berikut :

<u>Bil</u>	<u>PBT</u>	<u>Lokasi PTL</u>	<u>Jumlah PTL</u>
1.	MBSA		
	a) <u>Zon 17</u>	Seksyen U3	196
		Seksyen U6	166
		Seksyen U7	01
	b) <u>Zon 18</u>	Seksyen U4a	01
		Seksyen U5	174
	c) <u>Zon 24</u>	Seksyen U4b	01
		Seksyen U19b	168
		Seksyen U20	245
	<u>Jumlah</u>		952
2.	MBPJ		
	a) <u>Zon 3</u>	Di <u>sekitar kawasan</u> PJU 4 dan PJU 5, Kota Damansara, <u>Petaling Jaya</u>	202
	b) <u>Zon 4</u>	Di <u>sekitar kawasan</u> PJU 1A, PJU 2 dan PJU 3, <u>Petaling Jaya</u> .	98
	<u>Jumlah</u>		300
JUMLAH KESELURUHAN		308 lokasi	1252